



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 20 FEBRUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PADI ACT AMENDMENT TO BE COMPLETED THIS YEAR: MINISTER, NATIONAL, THE SUN -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	10 PERATUS LITUPAN TERUMBU KARANG BERISIKO HILANG, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	HELP PROTECT MARINE MAMMALS, PUBLIC URGED, NATIONAL, THE SUN -6	
4.	PESAWAH DAKWA HARGA BENIH PADI SEMAKIN MAHAL -LPP PERAK, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	KETENGGAH PENDIDIKAN BERASAS AKUAKULTUR TEKNOLOGI BIOFLOK, BISNES, HM -23	AGROBANK
6.	AGROBANK PUPUK MINAT PELAJAR DALAM INDUSTRI AKUAKULTUR, NIAGA, KOSMO -37	
7.	DUA TRELER SELUDUP KELAPA KE THAILAND, NEGARA, KOSMO -12	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	PGA PATAHKAN CUBAAN SELUDUP 88,000 BIJI KELAPA, DALAM NEGERI, UM -31	
9.	'PELANGGAN LARI JIKA GUNA SANTAN KOTAK', DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN
10.	KURANG KELAPA, PENIAGA SANTAN HANYA BERNIAGA DUA HARI, DALAM NEGERI, UM -31	
11.	KEDAH FARMERS HIT BY HEATWAVE, NATION, THE STAR -11	
12.	MELAKA PERLU TANAH PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -35	
13.	KEGIATAN LANUN ANCAM NELAYAN KAWASAN PANTAI REMIS, IPOH, SH -29	
14.	KILANG BERAS DARUL NAIM BANTU PESAWAH TEMPATAN, TIMUR, HAKAKAH -H16	
15.	BERAS TEMPATAN: RAKYAT TANGGUNG KOS TINGGI, KEMENTERIAN GAGAL, EKSKLUSIF, HAKAKAH -19	
16.	APA YANG TERBAIK UNTUK PESAWAH, PENGILANG PADI, PENGUNA?, RENCANA, UM -14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2025	THE SUN	NATIONAL	4

Padi Act amendment to be completed this year: Minister

SHAH ALAM: The Agriculture and Food Security Ministry will ensure that amendments to the Paddy and Rice Control Act (Act 522) are completed and enforced this year.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the amendment to increase enforcement to curb the conversion of local rice into imported rice also took into account research conducted by the Malaysian Competition Commission (MyCC).

"We will amend this Act by taking recommendations by MyCC involved in conducting investigations on the issue of *padi* and rice.

"From there, we will make the necessary

changes to overcome the issue, including strengthening monitoring as well as taking action against those who violate the law," he said after presenting Agrobank's 2025 school money assistance and the release of Tilapia Aquaculture Aspire fry at Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun on Tuesday.

Last Thursday in Parliament, Mohamad said the government has agreed to amend Act 522, which is still loose in terms of enforcement on manufacturers, wholesalers and retailers, in an effort to curb the conversion of local rice into imported rice.

According to the minister, Act 522 does not list the offence of mixing local rice with

imported rice, but only stipulates seven types of offences, including hoarding rice with the aim of creating a supply shortage.

On the release of tilapia fry, Mohamad said the Aquaculture Aspire Programme organised by Agrobank targets the involvement of 20 selected schools for the implementation of aquaculture education based on biofloc technology.

Mohamad said the selected schools will be provided with an 18sq ft pond along with 1,500 tilapia fry.

The project has the potential to become an entrepreneurial initiative that generates income for the school. – Bernama

10 peratus litupan terumbu karang berisiko hilang

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamail.com.my

KUALA TERENGANU: Malaysia berisiko kehilangan sehingga 10 peratus litupan terumbu karang di sepanjang perairannya akibat perubahan iklim dunia, pencemaran dan penggunaan pukal dalam industri perikanan.

Faktor-faktor berkenaan mengganggu tumbesaran terumbu karang yang menyebabkan kesihatan hidupan itu merosot.

Laporan terbaru Reef Check Malaysia (RCM) mendedahkan, tahap kesihatan terumbu karang di negara ini mengalami kemerosotan untuk dua tahun berturut-turut iaitu sebanyak 44.65 peratus pada 2024 dan 45.87 peratus pada 2023 berdasarkan Laporan Tinjauan Tahunan 2024.

Pakar penyelidik batu karang dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Tan Chun Hong berkata, perubahan iklim dunia dan faktor pemanasan global mengganggu tumbesaran karang lantas menyebabkan kesihatannya terus merosot.

Katanya, faktor lain seperti pencemaran, penggunaan pukal dan pelancongan secara tidak terkawal turut memberi kesan.

"Kami di UMT telah melaksanakan projek peneluran karang dan melepaskan sebanyak 600,000 benih karang di Pulau Bidong pada 2022. Usaha ini masih kita teruskan hingga sekarang namun tengkujuh yang baru sahaja berlaku merencatkan prosesnya ketika ini.

"Untuk data di Terengganu, saya belum ada laporan lengkap namun menggambarkan antara 30 hingga 40 peratus habitatnya telah terjejaskan ketika ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, berdasarkan data UMT, proses peneluran masih berlaku setakat September tahun lalu melalui batu karang yang masih hidup.

"Namun, jumlahnya tidak begitu memberangsangkan kerana terlalu banyak batu karang yang telah mati akibat kelunturan. Bagi batu karang yang tidak mati akibat kelunturan pula, ia berkemungkinan mengalami beberapa kesan seperti kurang subur.

"Sudah pasti, perkara ini

mengakibatkan persenyawaan menjadi rendah dan lebih membimbangkan sekiranya ia tidak lagi berupaya melakukan proses peneluran," katanya.

Sementara itu, seorang jurulatih selaman skuba, Mohd. Izzat Mahyuddin, 37, berkata, terumbu karang di Terengganu adalah antara yang tercantik di dunia dan ia terbukti dengan pengiktirafan beberapa badan pelancongan terkenal sebelum ini, namun sejak akhir-akhir ini, keindahan itu semakin hilang berikutan kelunturan karang berskala besar.

Antara terumbu karang tercantik yang menjadi tarikan pelancong ke Terengganu ialah di Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Tenggol, Pulau Bidong dan Pulau Lang Tengah.

Katanya, berdasarkan pengalamannya, keindahan terumbu karang di Terengganu masih terpuhara sehingga berlaku nya ribut tropika Pabuk pada awal Januari 2019.

"Saya mula terlibat dengan aktiviti selaman skuba ini sejak 2002 dan menyaksikan sendiri betapa cantiknya terumbu karang di Terengganu," katanya.

Help protect marine mammals, public urged

PUTRAJAYA: The Fisheries Department is calling on the public to play an active role in safeguarding whale and marine mammal populations by following regulations, minimising plastic pollution and supporting conservation initiatives led by the government, NGOs, universities and local communities.

In a statement in conjunction with World Whale Day, it said several whale species such as Bryde's Whale, Humpback Whale and Sei Whale have been recorded in Malaysian waters.

The Bryde's Whale species is frequently found feeding around Pulau Payar in Langkawi, especially during the anchovy season. The Humpback Whale has been recorded off Pulau Redang in Terengganu, Pulau Pangkor in Perak and Miri in Sarawak, while a Sei Whale was previously stranded on Pulau Carey in Selangor.

"The presence of whales in Malaysian waters is not uncommon. These mammals play a crucial role in maintaining marine biodiversity and serve as indicators of the health of our ocean ecosystems."

While their presence signals a healthy marine ecosystem, threats such as entrapment in shallow waters and human disturbances, such as ship movements and noise pollution, could disrupt their natural behaviour.

"In terms of human safety, the large size of whales poses a risk if approached too closely. Their defensive reactions could also potentially damage small boats or vessels."

The department also said one of the issues often associated with whales is ambergris, commonly known as whale vomit, which is a valuable substance produced only by sperm whales.

"In Malaysia, whale protection is governed under Section 27 of the Fisheries Act 1985, which prohibits any interference, capture, possession or sale of whales without written consent from the director-general of fisheries.

"Additionally, the International Trade in Endangered Species Act 2008 requires a CITES (Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora) permit for the trade of whale parts or product."

The statement also advised the public to exercise caution in encounters with whales.

It recommended maintaining a safe distance of at least 100m, refraining from approaching, touching or feeding them, reducing boat or ship speed when within 800m of a whale and reporting any sightings to the department via the 24-hour Fishcom hotline at 03-8888 5019. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30



SHAM MAT SAHAT

Pesawah dakwa harga benih padi semakin mahal - LPP Perak

BAGAN SERAI: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Perak meminta kerajaan melihat isu harga benih padi yang didakwa semakin mahal.

Pengerusinya, Datuk Sham Mat Sahat berkata, pesawah bim-bang dengan harga benih padi yang kini mencecah RM58 bagi setiap 20 kilogram berbanding RM35 bagi berat yang sama yang dijual pengilang dan kadar itu tinggi sekaligus meningkatkan kos penanaman padi.

“PPN menyuarakan kebimbangan pesawah mengenai harga benih padi yang didakwa semakin mahal. Harganya di kilang RM58 bagi setiap 20kg, sedangkan sebelum ini RM35.

“Kerajaan ada menjelaskan harga benih padi ini telah ditetapkan di peringkat kilang, namun wujud unsur manipulasi harga oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

“Jika mengikut harga yang telah ditetapkan di pintu kilang,

harga benih sepatutnya tidak menjadi isu.

“Namun kami menyedari ada pihak yang memainkan harga dan ini perlu dipantau dengan lebih ketat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) di Dewan Komuniti Bagan Serai semalam.

Sumbangan disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Pem-bangunan Luar Bandar, Perla-

dangan, Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Mohd Zolkafly Harun.

Menurut Sham, sebagai usaha menangani masalah ini, kerajaan negeri Perak akan membuka loji benih baharu di bawah pengu-rusan PPN Perak, yang dijangka mula beroperasi selepas meneri-ma kuota yang ditetapkan.

Menurutnya, loji tersebut di-jangka dapat menstabilkan beka-lan benih dan memastikan harga yang ditetapkan dapat dipatuhi.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menandatangani plak perasmian program Aquaculture Aspire yang dilaksanakan di SMK Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor.

INISIATIF AGROBANK

Ketengah pendidikan berasas akuakultur teknologi bioflok

Kuala Lumpur: Agrobank, meneruskan inisiatif Program Aquaculture Aspire (PAA) dengan menyediakan program khidmat masyarakat yang menargetkan pendidikan kan akuakultur berasaskan teknologi bioflok di reka khusus untuk pelajar neurodiversiti.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, PAA anjuran Agrobank menampilkan pendekatan unik dan berinovasi melalui penggunaan teknologi bioflok mesra alam untuk penternakan ikan ti-lapia.

Katanya, teknologi ini membolehkan pengura-ngan penggunaan air dalam sistem ternakan,

di samping meningkat kan mutu kualiti air de-ngan mewujudkan eko-sistem optimum untuk pembiakan ikan lebih efisien.

"Dalam usaha memacu industri akuakultur, in-tegrasi teknologi moden sangat penting, terutama dalam menarik minat ge-nerasi muda bakal men-jadi pelapis industri pe-rikanan negara pada ma-sa depan.

"Program ini bukan sa-haja menyokong pemban-gunan sektor akuakultur tempatan, malah me-nyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara melalui pengelu-aran makanan yang mam-pan," katanya.

Menurutnya, melalui program ini, Agrobank berhasrat mewujudkan

suasana pembelajaran le-bih menggabungkan teori dan amali di luar bilik da-rjah, sekali gus memberi peluang kepada mereka meneroka bakat yang ber-potensi membentuk ker-jaya masa depan.

Beliau berkata, di pe-tingkat sekolah, aktiviti ini juga berpotensi men-jadi inisiatif keusahawa-nan yang dapat menjana pendapatan menyokong perkembangan ekonomi sekolah bagi melaksana-belajaran lain.

Agrobank turut menya-sarkan pelaksanaan Prog-ram Aquaculture Aspire di 10 Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasio-nal dan Program Pendi-dikan Khas Integrasi (PP-KI) terpilih di Semen-an-jung Malaysia.



MOHAMAD (depan, dua dari kiri) melepaskan anak ikan tilapia di SMK Jalan Kebun, Shah Alam kelmarin.

Agrobank pupuk minat pelajar dalam industri akuakultur

SHAH ALAM – Program Aquaculture Aspire oleh Agrobank memupuk minat generasi muda dalam industri perikanan bagi menyokong pembangunan sektor akuakultur tempatan, seterusnya menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara melalui pengeluaran yang mampan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program berkenaan menampilkan pendekatan unik dan bernovasi melalui penggunaan teknologi bioflok yang mesra alam untuk penterbangan ikan tilapia.

Katanya, teknologi itu membolehkan pengurangan penggunaan air dalam sistem ternakan,

di samping meningkatkan mutu kualiti air dengan mewujudkan ekosistem yang optimum untuk membiakan ikan yang lebih efisien.

"Melalui program ini, Agrobank berhasrat mewujudkan suasana pembelajaran yang menggabungkan teori dan amali di luar bilik darjah, sekali gus memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka bakat yang berpotensi membentuk kerjaya masa depan.

"Di peringkat sekolah, aktiviti ini juga berpotensi menjadi inisiatif keusahawanan yang dapat menjana pendapatan untuk menyokong perkembangan ekonomi sekolah bagi melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran lain," katanya pada Majlis

Penyampaian Bantuan Wang Persekolahan dan Pelepasan Anak Ikan Tilapia di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Kebun, di sini kelmarin.

Majlis yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu itu turut menyaksikan 200 pelajar di kawasan Parlimen Kota Raja menerima bantuan wang beserta keperluan persekolahan seperti beg sekolah, alat tulis dan botol air.

Agrobank menyasarkan pelaksanaan Program Aquaculture Aspire di 10 buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional dan Program Pendidikan Khas Integrasi terpilih di Semenanjung.

Dua treler seludup kelapa ke Thailand

- Guna dua treler untuk angkut
- Lima suspek jadi penghantar

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

TUMPAT – Tindakan haram sekumpulan lima lelaki yang ingin menyeludup 88,000 biji kelapa ke Thailand terbongkar apabila mereka dicekup dalam Op Taring Wawasan di stor Che Soh, Kampung Pulau Ular dekat sini kelmarin.

Kesemua suspek warga tempatan berusia 26 hingga 43 tahun itu diberkas pada pukul 12.30 tengah hari ketika berada di kawasan stor tersebut.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, pihaknya berjaya mengesan kegiatan penyeludupan kelapa di stor itu semasa menjalankan operasi rondaan.

Menurutnya, lima lelaki warga tempatan ditahan dan dua buah treler yang disyaki digunakan untuk menyeludup kelapa dirampas selepas pihaknya menjalankan siasatan sebaik menerima laporan.

"Pemeriksaan mendapati, sebanyak hampir 88,000 biji ke-



SALAH satu treler yang dirampas kerana menyeludup 88,000 biji kelapa bernilai hampir RM2 juta ke Thailand di Kampung Pulau Ular, Tumpat kelmarin.

“Kesemua suspek dan barang rampasan dibawa ke Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk tindakan lanjut,” ujarnya.

Menurutnya, anggaran keseluruhan nilai rampasan keseluruhan termasuk dua buah treler yang lapa ditemui di dalam treler dan men dan lesen pembelian kelapa kawasan stor tersebut. Kesemua yang sah.

“Hasil siasatan lanjut, kelapa kelapa itu tiada sebarang doku-

itu dipercayai akan diseludup ke Thailand,” katanya.

Menurut Nik Ros Azhan, kesemua lima suspek itu dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kelapa tersebut ke Thailand.

Menurutnya, anggaran keseluruhan nilai rampasan keseluruhan termasuk dua buah treler yang dirampas dianggarkan berjumlah RM2.13 juta.

“Kesemua suspek dan barang rampasan dibawa ke Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk tindakan lanjut,” ujarnya.

Tambah Nik Ros Azhan, kes disiasat mengikut Akta FAMA 1965.

PGA patahkan cubaan seludup 88,000 biji kelapa

TUMPAT: Pasukan Gerakan Am (PGA) mematahkan cubaan menyeludup 88,000 biji kelapa bernilai hampir RM2 juta selepas menahan dua buah treler di stor Che Soh, Kampung Pulau Ular dekat sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 12.30 tengah hari, PGA turut menahan lima lelaki berusia 26 hingga 43 tahun bagi membantu siasatan berkaitan rampasan tersebut.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA), Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan telah menjumpai 88,000 biji di dalam treler dan kawasan stor tersebut.



TRELER yang membawa muatan kelapa ditahan PGA dalam serbuan di stor Che Soh, Kampung Pulau Ular, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan kelmarin. - IHSAN PGA

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati barangan tersebut tidak mempunyai sebarang dokumen termasuk lesen pembelian kelapa yang sah.

"Hasil siasatan lanjut, kelapa itu dipercayai akan diseludup ke Thailand.

"Kesemua suspek itu dipercayai menjadi penghantar untuk membawa keluar kelapa tersebut secara tidak sah," katanya ketika dihubungi pemberita di sini semalam.

Nik Ros Azhan memberitahu, kesemua suspek dan barang rampasan dibawa ke Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta FAMA 1965.

Santan segar naik harga, peniaga tiada pilihan

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@medianajila.com.my

SUNGAI PETANI: Para peniaga santan di daerah ini tiada pilihan apabila terpaksa menaikkan harga bahan mentah itu ekoran kenaikan harga kelapa secara mendadak sejak beberapa bulan lalu.

Peniaga di Pasar Singgah Selat, Taman Ria Jaya, Rohaida Othman, 50, berkata, kenaikan harga tidak dapat dielakkan demi memperoleh sedikit keuntungan apabila menjualnya dengan harga RM18 sekilogram.

"Saya mula menjual santan dengan harga baharu berbanding harga lama sebanyak RM14 sekilogram berikutan bekalan kelapa diperoleh daripada pembekal melebihi harga biasa sejak Januari lalu.



ROHAIDA Othman menimbang santan segar ke dalam plastik untuk dijual di premisnya di Pasar Singgah Selat, Sungai Petani, Kedah.

naikan harga demi meneruskan kelangsungan hidup.

"Walaupun kenaikan ini membebankan pembeli, kami tiada pilihan, dipinggirkan harga santan akan naik lagi menjelang Ramadan ini," katanya.

Sementara itu, peniaga santan dan kelapa di Pasar Bear Sungai Petani, Salbiah Yaacob, 60, berkata, sejak kelapa mengalami kenaikan harga, dia tidak lagi membeli secara pukal sebaliknya membeli kelapa yang siap diproses dalam usaha meneruskan perniagaan diusahakan sejak 16 tahun lalu.

"Meskipun harga kelapa siap dikepok turut mengalami kenaikan daripada RM4.30 seki-

UTUSAN Malaysia
19 Februari 2025

'Pelanggan lari jika guna santan kotak'

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@medianajila.com.my

SUNGAI PETANI: Kenaikan harga santan sehingga mencecah RM18 sekilogram memberi kesan besar terhadap pengguna terutama mereka menggunakan bahan itu dalam kuantiti banyak untuk tujuan perniagaan.

Peniaga ketupat, Rosnani Musa, 61, dari Taman Kuda Kepang berkata, dia terpaksa membeli santan walaupun tidak kisah harga yang dikenakan penjual kerana ingin menjaga mutu dan rasa ketupat yang dibuatnya sejak 20 tahun lalu.

"Margin keuntungan menyusut banyak ekoran penggunaan santan yang dibeli mahal iaitu RM15 sekilogram sekarang berbanding

dahulu RM13, tetapi saya harus guna santan segar.

"Saya pernah guna santan kotak tetapi banyak pelanggan 'lari' kerana ketupat yang dimakan tidak lemak dan tidak berminyak, jadi saya tiada pilihan guna santan segar walaupun terpaksa beli dengan harga RM15 sekilogram berbanding RM12 sebelum ini," katanya kepada Utusan Malaysia.

Akhbar ini melaporkan, para peniaga yang menjual santan di daerah ini tiada pilihan apabila terpaksa menaikkan harga bahan itu ekoran kenaikan harga kelapa secara mendadak sejak beberapa bulan lalu.

Tinjauan di beberapa pasar utama mendapati, peniaga perlu membayar RM3,500 bagi satu tan kelapa sejak awal tahun ini

berbanding RM2,700 sekaligus memaksa mereka menjual santan dengan harga baharu.

Sementara itu, pengusaha kuih muih, Saleha Salleh, 48, dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu berkata, kenaikan santan segar ketika ini memang membebankan.

"Saya membuat kuih yang menggunakan bahan asasnya santan seperti kuih lapis dan talam yang telah beberapa kali terpaksa menaikkan harga untuk menyerap kerugian.

"Namun sebaliknya pelanggan merungut menyebabkan jualan saya terjejas teruk walaupun saya beritahu mereka terpaksa menaikkan harga kerana memperoleh santan segar dengan harga tinggi," katanya.

Kurang kelapa, peniaga santan hanya berniaga dua hari

PONTIAN: Isu kekurangan bekalan kelapa sejak kebelakangan ini menyebabkan peniaga santan di Pasar Awam Pontian, di sini hanya beroperasi selama dua hari dalam seminggu.

Mohd. Hazli Musa, 49, berkata, perkara tersebut tidak dapat dielakkan kerana dia hanya menerima bekalan kelapa sebanyak 300 biji bagi dua hari perniagaannya yang beroperasi pada Ahad dan Rabu.

Dia mendapat bekalan kelapa daripada pekebun kecil di kawasan Tanjung Piai dengan harga antara RM2 hingga RM2.50 sebiji, bergantung dengan saiz buah tersebut.

"Bagi tidak menghampakan

peniaga yang memerlukan santan setiap hari seperti peniaga nasi lemak, kuih-muih dan lauk-pauk berasaskan santan, saya buka kedai dua hari sahaja setiap minggu," katanya kepada Utusan Malaysia.

Walaupun bekalan kurang dan permintaan tinggi, namun Mohd. Hazli tetap menjual santan pada harga kawalan, iaitu RM12 sekilogram berbanding sehingga RM15 di sesetengah kawasan.

"Sebagai peniaga santan kami terpaksa akur dengan arahan tersebut dan akan cuba untuk memastikan harga itu kekal pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri nanti," katanya.

Memandangkan kebanyakan pelanggannya merupakan peniaga makanan, setiap hari dia hanya memproses kira-kira 40 kilogram santan untuk diagih-agihkan kepada mereka.

"Untuk berlaku adil, setiap pembeli dihadkan pembelian supaya semua peniaga mendapatkan bekalan santan yang mencukupi untuk membuat nasi lemak, kuih-muih dan sebagainya," katanya.

Mohd. Hazli berkata, memandangkan daerah Pontian berdekatan dengan negara jiran Indonesia, dia mencadangkan supaya kelapa yang dibawa masuk ke Johor melalui pintu masuk di Kukup Laut.



MOHD. HAZLI Musa menimbang santan yang dijual di gerainya di Pasar Awam Pontian.

Kedah farmers hit by heatwave

Hot weather a boon for harvesting, but threatens padi planting

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: The current hot weather is offering a short-term benefit to padi farmers as it aligns with the harvest season.

But farmers say the prolonged heat could disrupt the upcoming padi planting season.

Shuib Ismail, 65, from Pokok Sena, said while the heat is manageable during harvest, the prolonged exposure could harm both farmers' health and padi plants.

"Farmers typically seek shelter when the sun is at its peak around noon, resting for an hour before continuing work until 2pm or 3pm.

"A prolonged heatwave can jeopardise padi quality, as excessive heat often leads to pest infestations and diseases common during the dry season," said Shuib, who has more than 30 years of experience in padi planting.

Another padi farmer, Abdul Kadir Ismail, 68, from Kuala Nerang, said besides pest infestations, rats and brown hoppers (*bera perang*) could pose serious problems.

"Brown hoppers thrive in warm and humid conditions, which promote their rapid reproduction.

"They can damage rice plants, significantly affecting both quali-

ty and yield," he said.

According to the Malaysian Meteorological Department, while hot weather is expected until mid-March, the situation is not as severe as last year.

Temperatures may exceed 35°C in the early afternoon during this period.

Kedah health committee chairman Mejar (Rtd) Mansor Zakaria said the public is advised to avoid being outdoors during peak heat hours, or from 11am to 4pm.

He urged individuals to seek immediate medical attention if they experience symptoms of heat-related illnesses, such as headaches, fatigue, dizziness, muscle weakness, cramps, nau-

sea or confusion.

Public health expert Dr Rahayu Hami from Universiti Sains Malaysia (USM) warned that workers such as field labourers and padi farmers are at risk of heat exhaustion, heatstroke and dehydration.

"Stay hydrated and drink water regularly, even if you're not thirsty.

"Avoid caffeinated and sugary drinks, as they can lead to dehydration," she said.

She also said these workers should take breaks every 30-45 minutes in the shade.

"Farmers should look out for signs of heat stress in each other. "If someone feels dizzy or weak,

get them to rest in the shade immediately," she said.

USM family medicine specialist Dr Mastura Mohd Sopian said the public, especially students, should limit outdoor activities and avoid exercising in the heat.

"Wear comfortable clothing and apply sunscreen when outside," she said.

In Penang, temperatures ranged from 25°C to 31°C, with the public advised to stay hydrated and prepared for sudden weather changes.

Yesterday, there were scattered thunderstorms in the morning, with conditions becoming more widespread in the afternoon and hitting a high near 32°C.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Melaka perlu tanah pertanian

MELAKA: Kerajaan negeri bercadang untuk memajak tanah milik kerajaan Persekutuan dianggarkan seluas lebih 100 hektar bagi diusahakan sebagai kawasan pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Datuk Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata, ramai rakyat negeri ini terutama golongan muda ingin mengusahakan bidang berkenaan tetapi menghadapi masalah ketiadaan tanah yang luas.

Menurutnya, Melaka merupakan sebuah negeri yang kecil dengan kepadatan penduduk tinggi menyebabkan ramai rakyat tidak dapat menceburi pertanian terutamanya tanaman kontan.

“Saya lihat banyak tanah terbiar milik kerajaan Persekutuan sebagai contoh tanah di Ayer Keroh yang pada mulanya ada cadangan untuk membina Hospital Melaka yang baharu.

“Tetapi difahamkan lokasinya bukan di situ tetapi di tempat lain jadi tanah milik Kementerian Kesihatan, apa salahnya dibenarkan untuk dipajak bagi tempoh lima hingga 10 tahun



MUHAMMAD AKMAL Saleh melihat pokok cili secara fertigasi yang diusahakan Mohammad Yazid Idres (baju merah) di Lorong Haji Yang Bachang, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

bagi kerajaan negeri melaksanakan program pertanian.

“Saya yakin jika ia dibenarkan kita dapat mengatasi masalah kemiskinan tegar, pengangguran, isu keterjaminan makanan dan menambah pendapatan bagi golongan B40,” katanya ketika ditemui selepas melawat projek tanaman cili

secara fertigasi di Lorong Haji Yang, Bachang di sini, kelmarin.

Tambah Muhammad Akmal, sebagai langkah awal, pihaknya akan memohon tanah daripada beberapa kementerian untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun bagi mengusahakan tanaman kontan.

20/2/2025

SINAR

IPOH

29

HARIAN

Kegiatan lanunancam nelayan kawasan Pantai Remis

IPOH - Nelayan di Pantai Remis, Manjung berdepan ancaman lanun dari Indonesia yang semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Remis, Wong May Ing berkata, sejak Disember 2024 sehingga kini pihaknya menerima tidak kurang lima aduan berhubung ancaman di perairan Selat Melaka itu.

Menurutnya, nelayan yang menjalankan operasi laut dalam melibatkan bot kelas C dan C2 bukannya sahaja berdepan dengan cabaran cuaca yang buruk tetapi juga ancaman daripada lanun yang ganas dan tidak berperikemanusiaan.

"Ada kes yang melibatkan penculikan dan ada juga yang melarikan diri selepas menyedari kehadiran kapal Indonesia. Kejadian ini telah memberi kesan serius kepada operasi nelayan di perairan negara kita.

"Malah, pada tahun 2023, terdapat kes di mana pekerja asing atas bot nelayan telah ditembak mati oleh lanun. Dalam keadaan sedemikian, nelayan tidak mempunyai pilihan lain selain me-

nyerah diri," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

May Ing berkata, selain lanun, nelayan Malaysia juga sering berhadapan dengan tindakan kapal penguat kuasa Perikanan Indonesia yang memasuki perairan negara dan menunda bot nelayan Malaysia ke Indonesia.

Jelasnya, penguat kuasa negara jiran itu mendakwa, nelayan tempatan telah menceroboh Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Indonesia, sedangkan sempadan maritim di Selat Melaka antara kedua-dua negara masih belum dimuktamadkan.

Menurutnya, pada tahun 2012, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kawasan bertindih.

"Malangnya, Indonesia kerap melanggar MoU ini dengan bertindak tegas menahan bot nelayan Malaysia, sedangkan Malaysia hanya mengusir kapal Indonesia keluar dari perairan kita.

"Malaysia hanya akan menahan dan melucutkan hak kapal

yang sah melanggar undang-undang, tanpa meminta tebusan bagi pembebasan kapal tersebut, berbeza dengan tindakan pihak berkuasa Indonesia," katanya.

Sementara itu, May Ing berkata, dalam masa terdekat, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak bagi membincangkan strategi yang lebih berkesan untuk menangani ancaman lanun tersebut.

Katanya, perbincangan juga turut dibuat berkaitan tindakan kecemasan yang boleh diambil oleh nelayan sekiranya mereka berdepan dengan ancaman daripada lanun atau ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia bagi mengurangkan risiko kerugian dan kehilangan nyawa.

"Saya akan bangkitkan isu pertindihan perairan dengan Indonesia pada sesi dialog dengan Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian pada minggu depan.

"Memandangkan Malaysia merupakan Pengerusi Asean, isu tersebut perlu dibawa ke peringkat rundingan rasmi bersama Indonesia bagi mencari penyelesaian muktamad," katanya.



MAY ING

Kilang Beras Darul Naim bantu pesawah tempatan



Kilang Beras Darul Naim di Meranti, Pasir Mas, Kelantan.

Oleh **RIZAL TAHIR**

MACHANG: Kilang Beras Darul Naim yang bakal dibuka di negeri ini bermatlamat bagi memperkukuhkan bekalan beras negara, khususnya di Kelantan.

Timbalan Menteri Besar, Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan, berkata pembukaan kilang yang dibina berkonsepkan kerjasama dengan pelabur luar dan agensi Kelantan, adalah usaha untuk menyokong pengusaha padi tempatan dan memastikan hasil padi dapat diproses sendiri di negeri ini.

"Kilang ini akan dibuka di Meranti, Pasir Mas dan ia bertujuan untuk membantu pesawah-pesawah di Kelantan.

"Kita mahu pastikan hasil padi tempatan diproses secara tempatan," katanya selepas merasmikan Majlis Memacu Kehidupan Selamat


Tahun Baharu Cina di Dewan Majlis Daerah Machang, di sini.

Sementara Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kilang beras tersebut hampir siap dan sedang menunggu kelulusan untuk beroperasi. Beliau menjangka kilang itu akan mula beroperasi tahun ini.

"Kilang ini akan membeli hasil padi daripada pesawah tempatan dengan harga yang baik dan akan menghasilkan beras untuk negara.

"Apabila beroperasi kelak, ia akan membantu menjimatkan kos dan meningkatkan ekonomi pesawah-pesawah tempatan," katanya.

Kilang yang dibina di atas tanah seluas 8 ekar ini dijangka bakal memuatkan kapasiti antara 30,000 hingga 40,000 tan padi pada satu masa.



Isu kekurangan bekalan beras tempatan masih berlarutan sehingga kini.

Beras tempatan: Rakyat tanggung kos tinggi, Kementerian gagal

KUALA LUMPUR: UMMAH menyatakan rasa kesal dan menzahirkan bimbangan yang mendalam berhubung dengan isu kekurangan bekalan beras tempatan di Malaysia yang masih berlarutan sehingga kini.

Pengerusi Gerakan Pembela Ummah (UMMAH), Mohd Zai Mustaffa, berkata isu ini telah memberi kesan yang besar kepada rakyat, terutama kepada golongan berpendapatan rendah yang semakin tertekan dengan kenaikan harga barangan keperluan, khususnya beras.

"Kekurangan bekalan beras tempatan ini menyebabkan negara semakin bergantung kepada beras import yang lebih mahal, dan situasi ini memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu untuk melakukan monopoli pasaran dan manipulasi harga.

"Akibatnya, rakyat terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi tanpa ada penyelesaian yang jelas dari pihak berwajib," katanya kepada *Harakah*.

Menurut beliau, lebih memburukkan keadaan, pihak Kementerian berkenaan dilihat gagal dan lemah dalam mencari penyelesaian yang segera serta berkesan.

"Kita lihat keengganan atau kelewatan dalam merancang dan melaksanakan langkah-langkah perlu yang menyeluruh untuk menyelesaikan masalah ini menunjukkan

kelemahan ketara menteri dan kementerian terbabit bagi memberi komitmen yang serius untuk menjaga kebajikan rakyat.

"Tindakan yang lebih proaktif perlu diambil untuk memastikan bekalan beras tempatan dapat dipertingkatkan dengan lebih stabil dan tidak bergantung sepenuhnya pada beras import yang boleh memberi impak negatif kepada ekonomi negara," jelasnya lagi.

Sehubungan itu, Mohd Zai berkata, manipulasi beras tempatan yang dicampur menjadi beras import seharusnya dibanteras habis-abisan.

Katanya lagi, UMMAH menuntut agar pihak kementerian mengambil langkah segera dalam merangka pelan penyelesaian jangka pendek dan panjang.

"Ini termasuklah memperkukuhkan sistem pengeluaran beras tempatan melalui sokongan kepada petani, serta memastikan pengawalan harga dan bekalan beras dapat diurus dengan lebih berkesan.

"Kita tidak boleh membiarkan isu ini berlarutan tanpa tindakan berkesan.

"Kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi negara perlu diutamakan," ujarnya.

Tambah beliau, UMMAH menyeru agar pihak berkuasa mengambil tanggungjawab dan memastikan tiada lagi manipulasi harga yang membebankan rakyat.

Apa yang terbaik untuk pesawah, pengilang padi, pengguna?



ABUSUFIAN ABUBAKAR

INDUSTRI padi dan beras merupakan salah satu sektor utama dalam memastikan keselamatan makanan negara. Malaysia, sebagai sebuah negara yang masih bergantung kepada import untuk memenuhi permintaan beras domestik, telah menyediakan pelbagai bentuk subsidi bagi menyokong pesawah dan industri padi.

Salah satu langkah utama kerajaan dalam mengekalkan kestabilan industri ini ialah dengan menetapkan harga lantai belan padi sebanyak RM1,500 per metrik tan (MT). Namun, apabila industri padi mengalami kerugian, subsidi yang diberikan kerajaan, yang berjumlah antara RM2,740 hingga RM4,825 per MT, timbul persoalan sama ada subsidi ini benar-benar memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat atau sekadar menyempatkan industri daripada 'jatuh' per hektar.

Harga lantai RM1,500 per MT ini merupakan minimum pesawah agror mereka tidak mengalami kerugian akibat turun naik harga pasaran. Namun, realiti di lapangan menunjukkan kos pengeluaran sebenar bagi setiap MT padi boleh mencecah antara RM1,080 hingga RM2,250, bergantung kepada pelbagai faktor seperti keadaan tanah dan akses kepada sumber air. Ini bermakna bagi sesetengah pesawah, subsidi yang diberikan kerajaan melalui harga lantai ini memberi keuntungan. Namun, bagi mereka yang menghadapi kos pengeluaran tinggi, harga lantai ini masih tidak mampu menutupi kos pengeluaran sebenar.

Bagi memastikan industri padi terus berdaya saing dan pesawah tidak meninggalkan sektor ini, kerajaan perlu menyediakan subsidi dalam pelbagai bentuk merangkumi racun perosak, pengaliran, pembaikan infrastruktur, subsidi padi, skim insurans, bantuan musim tengkujuh

JUMLAH SUBSIDI YANG DIBERIKAN KERAJAAN DALAM RANTAIAN BEKALAN BERAS

TENIS SUPORT	ANGGARAN SUBSIDI (RM per MT)
Subsidi Benih Padi	RM140 - RM175
Subsidi Baga Padi	RM500 - RM1000
Subsidi Racun Perosak	RM200 - RM250
Subsidi Pengaliran & Saliran	RM50 - RM200
Subsidi Mekanisasi	RM300 - RM700
Subsidi Harga Padi	RM1300
Skim Bapa Padi Kerajaan	RM250 - RM500
Skim Insurans Padi	RM30 - RM220
Bantuan Madan Tengkujuh	RM600
Subsidi Kilang Pengaliran	RM100 - RM300
Subsidi Pengedaran & Kewalian Harga Beras	RM50 - RM150
Jumlah Anggaran Subsidi per MT	RM2,740 - RM4,825
Jumlah Anggaran Subsidi per Kilogram	RM2.74 - RM4.83

11

Pengusaha sawah juga mendapat manfaat melalui skim insurans dan subsidi pengaliran, yang membantu mereka menghadapi risiko bencana alam serta menjamin bekalan air untuk tanaman padi.

pengaliran yang membantu pesawah menghadapi risiko bencana alam serta menjamin bekalan air untuk tanaman padi. Di peringkat seterusnya, subsidi insurans padi membantu petani menanggung risiko kerugian akibat bencana alam seperti banjir, serangan hama, dan penyakit. Subsidi pengaliran pula membantu petani memastikan bekalan air yang stabil di pasaran. Selain itu, pengedar dan peruncit juga mendapat manfaat dari subsidi ini kerana mereka dapat menjual beras dengan harga yang lebih rendah kepada pengguna.

Subsidi kerajaan tidak hanya memberi manfaat kepada pesawah semata-mata, tetapi turut memberi manfaat kepada pengilang beras di Malaysia. Setiap tahun, kerajaan membeli padi dari petani untuk memasok sektor ini. Dengan membeli padi dari petani, kerajaan dapat memastikan bekalan beras yang stabil dan mengawal harga beras di pasaran. Selain itu, pengilang beras juga mendapat manfaat melalui skim insurans dan subsidi

pesawah dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka dengan memanfaatkan subsidi dalam pelbagai bentuk merangkumi racun perosak, pengaliran, pembaikan infrastruktur, subsidi padi, skim insurans, bantuan musim tengkujuh

TENIS SUPORT	ANGGARAN SUBSIDI (RM per MT)
Subsidi Benih Padi	RM140 - RM175
Subsidi Baga Padi	RM500 - RM1000
Subsidi Racun Perosak	RM200 - RM250
Subsidi Pengaliran & Saliran	RM50 - RM200
Subsidi Mekanisasi	RM300 - RM700
Subsidi Harga Padi	RM1300
Skim Bapa Padi Kerajaan	RM250 - RM500
Skim Insurans Padi	RM30 - RM220
Bantuan Madan Tengkujuh	RM600
Subsidi Kilang Pengaliran	RM100 - RM300
Subsidi Pengedaran & Kewalian Harga Beras	RM50 - RM150
Jumlah Anggaran Subsidi per MT	RM2,740 - RM4,825
Jumlah Anggaran Subsidi per Kilogram	RM2.74 - RM4.83

pengaliran yang membantu pesawah menghadapi risiko bencana alam serta menjamin bekalan air untuk tanaman padi. Di peringkat seterusnya, subsidi insurans padi membantu petani menanggung risiko kerugian akibat bencana alam seperti banjir, serangan hama, dan penyakit. Subsidi pengaliran pula membantu petani memastikan bekalan air yang stabil di pasaran. Selain itu, pengedar dan peruncit juga mendapat manfaat dari subsidi ini kerana mereka dapat menjual beras dengan harga yang lebih rendah kepada pengguna.

Subsidi kerajaan tidak hanya memberi manfaat kepada pesawah semata-mata, tetapi turut memberi manfaat kepada pengilang beras di Malaysia. Setiap tahun, kerajaan membeli padi dari petani untuk memasok sektor ini. Dengan membeli padi dari petani, kerajaan dapat memastikan bekalan beras yang stabil dan mengawal harga beras di pasaran. Selain itu, pengilang beras juga mendapat manfaat melalui skim insurans dan subsidi

pesawah dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka dengan memanfaatkan subsidi dalam pelbagai bentuk merangkumi racun perosak, pengaliran, pembaikan infrastruktur, subsidi padi, skim insurans, bantuan musim tengkujuh

Subsidi kerajaan tidak hanya memberi manfaat kepada pesawah semata-mata, tetapi turut memberi manfaat kepada pengilang beras di Malaysia. Setiap tahun, kerajaan membeli padi dari petani untuk memasok sektor ini. Dengan membeli padi dari petani, kerajaan dapat memastikan bekalan beras yang stabil dan mengawal harga beras di pasaran. Selain itu, pengilang beras juga mendapat manfaat melalui skim insurans dan subsidi

pesawah dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka dengan memanfaatkan subsidi dalam pelbagai bentuk merangkumi racun perosak, pengaliran, pembaikan infrastruktur, subsidi padi, skim insurans, bantuan musim tengkujuh

atau mengagihkan kewalian terhadap industri. Taktik ini bukan sahaja menyebabkan kenaikan harga beras, tetapi mengurangkan segelintir petani industri yang mampu menjual beras pada harga yang lebih tinggi.

Lebih membingungkan, terdapat dakwaan sesetengah pengilang beras mengambili keuntungan dengan menjual beras import sebelum menjualnya kepada pesawah. Ini berlaku kerana pesawah terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

atau mengagihkan kewalian terhadap industri. Taktik ini bukan sahaja menyebabkan kenaikan harga beras, tetapi mengurangkan segelintir petani industri yang mampu menjual beras pada harga yang lebih tinggi.

Lebih membingungkan, terdapat dakwaan sesetengah pengilang beras mengambili keuntungan dengan menjual beras import sebelum menjualnya kepada pesawah. Ini berlaku kerana pesawah terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.

Adalah beras tempatan dicampurkan dengan beras import untuk dijual sebagai beras tinggi, sekitar RM1.50 per kg. Ini berlaku kerana pesawah mengingini beras yang lebih berkualiti untuk dijual di pasaran, tetapi juga memberi kesan kepada pesawah yang terpaksa membeli beras import yang lebih mahal daripada beras tempatan yang disubsidikan.